



Rumah Pengasih bakal pindah ke Bentong

31/07/2015 11:48pm

KUALA LUMPUR - Rumah Persatuan Pengasih Malaysia (Pengasih) di Bukit Tunku di sini yang menawarkan perkhidmatan terapi dan kaunseling bagi mereka yang mempunyai masalah ketagihan dadah bakal berpindah ke Kampung Cinta Manis, Bentong, Pahang tidak lama lagi.

Pengerusinya, Datuk Mohd. Yunus Pathi berkata, Rumah Pengasih di lokasi baru yang bakal dinamakan sebagai Kampus Pengasih @ Cinta Manis itu mempunyai keluasan sehingga 14 ekar dan mampu menampung sehingga 200 residen dalam satu masa.

"Rumah Pengasih ini bakal mempunyai kemudahan penting bagi residen seperti dewan utama, masjid, kawasan perubatan dan kawasan latihan.

"Kami juga bercadang untuk bekerjasama dengan 20 universiti termasuklah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bagi membenarkan pelajar mereka membuat kajian mengenai kaedah terapi dan psikologi yang diamalkan oleh Pengasih," ujarinya.

Menurutnya lagi, Kampus Pengasih tersebut hanya memerlukan bantuan sumbangan dalam bentuk perabot sahaja sebelum dikatakan siap sepenuhnya.

Selain Rumah Pengasih di Bukit Tunku, terdapat juga Pusat Jagaan Lanjutan bagi mereka yang telah menamatkan Program Rawatan Primer seperti di Cheras, Sungai Buloh, Ipoh, Jasin, Muar, dan Kota Bharu.

Sementara itu, Tengku Puan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Sultan Iskandar yang turut mencemar melawat Rumah Pengasih. - KOSMO!